



25 APR, 2022

## Pindaan Akta FAMA dibawa ke Parlimen

Utusan Sarawak, Malaysia

Page 1 of 2

# Pindaan Akta FAMA dibawa ke Parlimen

**AZREEN KERIA**

**KUCHING:** Pindaan terhadap Akta Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) 1965, bertujuan membolehkan FAMA mengurus pemasaran produk ternakan akan dibawa ke sidang Parlimen nanti.

Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee berkata, buat masa ini, ia telah dipersetujui oleh Jemaah Menteri dan Kabinet telah meluluskan Rang Undang-Undang (RUU) pindaan tersebut.

"Maka, ia perlu diangkat untuk diutuskan dan dibawa ke sidang parlimen yang akan datang. Langkah berkenaan dilihat membolehkan Fama memperluaskan peranannya bukan sahaja dalam memasarkan pertanian malah dalam sektor ternakan.

"Malah, pindaan ini turut

memasukkan ternakan antara bidang kuasa yang akan dipertanggungjawabkan serta membolehkan FAMA mengurus pemasaran komoditi ternakan tertentu," katanya dalam sidang media selepas menyempurnakan Program Semarak Syawal Peringkat Kebangsaan ajuran Fama di Medan Niaga Satok (MNS) di sini, semalam.

Tambah Ronald, dengan pindaan ini ia juga akan memperluaskan skop fungsi terhadap pemasaran komoditi dan produk ternakan menerusi rantaian pemasarannya.

"Pada masa sama ia juga membangunkan industri agromakanan agar bekalan sampai kepada rakyat Malaysia secara keseluruhannya.

"Kita yakin FAMA akan terus berfungsi sebagai agen pemasaran persekutuan yang besar untuk memasarkan produk agromakanan, ujarinya.



**MENTERI** Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee dalam satu sidang media selepas menyempurnakan Program Semarak Syawal Peringkat Kebangsaan ajuran Fama di Medan Niaga Satok di Kuching, semalam.



25 APR, 2022

## Pindaan Akta FAMA dibawa ke Parlimen

Utusan Sarawak, Malaysia

Page 2 of 2

### SUMMARIES

KUCHING: Pindaan terhadap Akta Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) 1965, bertujuan membolehkan FAMA mengurus pemasaran produk ternakan akan dibawa ke sidang Parlimen nanti. Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee berkata, buat masa ini, ia telah dipersetujui oleh Jemaah Menteri dan Kabinet telah meluluskan Rang Undang-Undang (RUU) pindaan tersebut."Maka, ia perlu diangkat untuk diutuskan dan dibawa ke sidang parlimen yang akan datang.